

Tidak faham sejarah punca masalah kaum

Kedudukan orang Melayu semakin kukuh

BH-26/11/2006

ISU hubungan antara kaum di negara ini amat menarik diperkatakan, tetapi juga dianggap sensitif. Memperkatakan hak dan kepentingan kaum masing-masing adalah perkara biasa, tetapi apabila membabitkan kaum lain, ini menimbulkan masalah. Perhimpunan Agung Umno dan parti lain tidak dapat lari daripada isu ini. Cuma Perhimpunan Agung Umno kali ini yang disiarkan secara langsung menyebabkan banyak isu panas terlepas keluar. Wartawan Berita Minggu, Ziauddin Sharuddin dan Norakmah Mat Youb, bertemu Profesor Emeritus Universiti Malaya, Datuk Dr Khoo Kay Kim untuk melihat isu hubungan kaum ini.

Soaljawab

Apakah reaksi pasca Perhimpunan Agung Umno lalu menunjukkan bahawa isu hubungan antara kaum masih menjadi masalah besar di negara ini.

Ohi itu pasti. Saya sudah lama hidup di negara ini sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Masyarakat dulu pun majmuk, tetapi setiap kaum hidup hampir terpisah daripada kaum lain. Bukan tiada langsung pergaulan, tetapi dalam proses sosialisasi setiap kaum lebih selesa, rapat dan mesra dengan orang daripada kaum sendiri.

Kalau kita perhatikan pada masa dulu, identiti kawasan setiap bandar ditentukan kaum. Di Kuala Lumpur, orang Melayu tinggal di Kampung Baru, orang India oleh kerana faktor pekerjaan banyak di Sentul dan Brickfields. Di pusat bandar pula orang Cina. Hanya di kawasan perumahan kerajaan, kita nampak pelbagai kaum hidup bersama. Sebelum 1960-an, ramai orang India dan Cina berkhidmat dengan kerajaan dan tinggal di kawasan perumahan kerajaan.

Saya memang lama tinggal di kawasan seperti itu. Sekolah saya, Anglo Chinese School (ACS) Telok Anson (sekarang Teluk Intan), komposisi jumlah pelajar ketiga-tiga kaum hampir sama. Walaupun kami sedar tidak sama dengan kaum lain, tetapi itu tidak menjadi penghalang dalam kegiatan sekolah seperti bermain bola sepak atau penakap, semua kaum ada dan bersatu. Ketika itu, tidak ramai orang Cina berkahwin dengan orang India atau orang India berkahwin dengan orang Melayu. Setiap kaum mahu mengekalkan kebudayaan masing-masing, tetapi mereka tidak begitu sensitif.

Pada 1940-an dan 1950-an di ACS sangat istimewa kerana pada September 1945, rusuhan kaum berlaku di satu kawasan bandar Telok Anson. Berbeza dengan anggapan orang lain, saya faham kerana sebenarnya rusuhan kaum berlaku antara orang Melayu-Cina, tetapi antara orang Banjar-Cina.

Tidak ramai orang Cina boleh membezakan fakta ini, tetapi mereka menganggap orang dianggap berbeza itu dari Sungai Manik. Di bandar Telok Anson tidak ada masalah. Ketika mula bersekolah selepas Perang Dunia Kedua pada Oktober 1945, kami tidak berasa apa-apa di sekolah.

Bagaimana dengan keadaan sekarang.

Jauh berbeza. Generasi sekarang sangat sedar mengenai perbezaan antara kaum hingga apabila hendak mengambil bahagian dalam sesuatu kegiatan, mereka sangat sedar berapa ramai orang Melayu, Cina dan India dalam kegiatan itu.

Saya dapati dalam kegiatan sukan, terutama bola sepak, kelab orang Cina sudah hilang. Dulu banyak kelab bola sepak seperti di Ipoh ditubuhkan orang Cina seperti Perak Chinese Recreation Club dan Cheng Hwa. Orang Melayu ada Kinta Malay Club dan India, Kinta Indian Association (KIA).

Sekarang saya berasa KIA pun tidak aktif lagi. Di Selangor dulu ada Selangor Chinese Recreation Club, tetapi kelab ini sudah hilang kerana tapak kelab sekarang Perhentian Puduraya. Selangor Indian Association dulu bertempat di Jalan Taylor dekat Istana Negara dan TPCA (Tamilian Physical Cultural Association) pun tiada lagi.

Ada seperti suatu perkembangan yang kelihatan tidak begitu sihat. Masyarakat majmuk bererti setiap kaum hidup mengikut budaya masing-masing. Dulu majmuk dan sekarang masih majmuk, tetapi kelihatan jurang antara kaum lebih luas. Ini menyebabkan terlampau sensitif.

Sesetengah penganalisis sosial berpandangan bahawa jurang antara kaum semakin melebar akibat faktor politik. Sejauh manakah kebenaran dakwaan ini.

Setiap kaum menjadi sensitif apabila politik diperkenalkan. Sebelum Perang Dunia Kedua, walaupun ada politik, tidak tertumpu ke negara ini. Politik orang Cina ter-

tumpu ke negara China dan tidak begitu memberi kesan kepada orang Melayu, manakala politik orang India tertumpu ke India. Politik bererti persaingan merebut kuasa dan apabila politik tertumpu ke negara ini, ketiga-tiga kaum bersaing untuk merebut kuasa mengawal negara ini.

Ini menyebabkan setiap kaum menjadi sensitif, khuatir kaum lain mendapat kuasa, berlebihan dan melemahkan kedudukan mereka. Sebenarnya MIC (Kongres India Malaya) ditubuhkan, Ogos 1946, tidak mahu membabitkan diri dalam politik perkauman. MIC memperjuangkan kemerdekaan India dan lebih mengutamakan ideologi.

Apabila Perikatan ditubuhkan pada 1952 untuk bertanding pada pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur, MIC tidak terbahit dan menyokong IMP (Parti Kemerdekaan Malaya) kerana khuatir sebagai kaum minoriti dalam politik perkauman, MIC menanggung kerugian, tetapi akhirnya terpaksa mengikut arus politik ketika itu. Dalam pilihan raya itu, IMP menang dua kerusi dan kedua-duanya calon MIC. Akhirnya MIC memasuki Perikatan.

Apabila ada Perikatan, proses perbincangan masa depan Malaya bermula dan kemudian mendesak British supaya berundur. British sebenarnya menjalankan pentadbiran dan bukan memerintah negara ini. Ramai orang salah faham. Dari segi undang-undang (kecuali ketika Malayan Union), British tidak mem-

erintah. Pemerintah ialah raja dan British menjalankan pentadbiran bagi pihak raja.

Selepas Perang Dunia Kedua, suasana di seluruh dunia ialah negara dikuasai atau di bawah pengaruh kuasa Barat mahu membebaskan diri dan ingin menjadi negara bangsa.

Di Malaya, British digesa menamatkan pentadbiran. British tidak mengamalkan dasar pecah perintah dan cuba menggabungkan ketiga-tiga kaum. Pelbagai strategi dicuba dan semua gagal.

British berundur dan pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu menjadi negara bangsa. Kedaulatan yang berada pada raja dipindahkan kepada rakyat. Sebab itu Malaysia ada Perlembagaan, Parlimen, dan pilihan raya, manakala raja menjadi Raja Berperlembagaan. Apabila kedaulatan berada pada tangan rakyat, orang Melayu sangat sedar keperluan kedudukan istimewa mereka ditikalkan. Orang bukan Melayu ketika itu diterima sebagai rakyat. Orang Melayu tidak mahu kehilangan kedudukan istimewa. Sejak itu, tidak dapat dipastikan berapa banyak kuasa perlu ada pada setiap kaum.

Bagaimana kedudukan orang Melayu sekarang.

Kedudukan orang Melayu sebenarnya menjadi semakin kukuh. Sudah tiada masalah kerana dari segi bilangan penduduk, orang Melayu menjadi majoriti. Lebih 60 peratus penduduk Malaysia adalah Melayu. Dulu hingga 1950-an jika Singapura bergabung, bilangan orang bukan Melayu lebih sikit berbanding orang Melayu.

Ini menyebabkan Singapura tidak pernah dimasukkan, sama ada dalam Malayan Union atau Persekutuan Tanah Melayu kerana British tahu bilangan orang bukan Melayu akan lebih ramai dan orang Melayu tidak mahu. Sekarang dengan jumlah penduduk lebih 60 peratus dan lebih penting di Parlimen, dua pertiga Ahli Parlimen orang Melayu dan bererti orang Melayu menguasai Parlimen.

Umno sendiri mempunyai lebih 50 peratus Ahli Parlimen dan dengan

dua atau tiga peratus majoriti, Perlembagaan boleh digubal atau dipinda. Orang bukan Melayu tidak boleh. Sebab itu mungkin orang Melayu semakin takut. Orang Melayu tidak boleh takut kerana sudah ada dalam keadaan sangat dominan. Lantas apabila orang Melayu bercakap dengan lebih agresif orang bukan Melayu menjadi takut.

Kalau dilihat perkembangan berlaku sebelum Perhimpunan Agung Umno, pelbagai isu seperti bahasa Melayu, agama Islam dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibangkitkan. Barangkali ini menyebabkan isu sensitif dibangkitkan dalam perhimpunan itu.

Saya berpendapat kadang-kadang orang bukan Melayu memperkatakan kedudukan orang Melayu kerana tidak begitu jelas apa yang sebenar berlaku. Kedudukan orang Melayu hanya dapat difahami dengan melihat kepada sejarah. Ketika British mula terbahit dalam pentadbiran negeri Melayu, tetapi istilah negeri tidak begitu sesuai kerana diterjemahkan dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Kerajaan diterjemahkan sebagai 'state'. Kemudian 'state' diterjemahkan balik ke bahasa Melayu dan menjadi negeri.

Istilah lebih sesuai ialah 'kingdom' atau negeri beraja. Hanya kerana kerajaan bukan besar, orang tidak begitu selesa menggunakan istilah 'kingdom', tetapi istilah ini lebih tepat kerana kingdom ada 'king' dan



kerajaan mesti ada raja. Kalau tiada raja, tiada kerajaan. Indonesia yang tiada raja menggunakan pemerintah dan bukan kerajaan.

Raja sangat penting dalam sistem dulu dan mempunyai kuasa mutlak hingga tanah pun kepunyaan raja. Mengikut sesetengah ulama, hanya bumi saja boleh milik raja kerana bumi kepunyaan Tuhan. Apa saja adalah milik raja. Oleh itu, sesiapa menjadi rakyat raja. Kalau lahir di Perak, dia menjadi rakyat kepada raja. Begitulah keadaan apabila British datang. British tidak memerintah, tetapi menjalankan pentadbiran bagi pihak raja.

Tugas British untuk memelihara kedudukan raja dan rakyat. Itulah kedudukan orang Melayu dan kedudukan itu tidak berubah. Selepas Perang Dunia Kedua, orang bukan Melayu diserapkan dalam sistem itu dan yang menimbulkan masalah ialah Negeri Selat adalah tanah jajahan British.

Ramai orang bukan Melayu lahir di situ adalah rakyat British dan mereka meminta hak sebagai rakyat British. Ia tidak menjadi masalah di Negeri Selat, tetapi kerajaan Melayu memang ada masalah kerana mereka rakyat British dan bukan rakyat raja. Masalah seperti ini kerana tidak difahami dengan mendalam menjadi isi pergaulan dan hingga sekarang mereka tidak jelas.

Datuk melihat masalah berlaku sekarang akibat warisan sejarah yang sangat panjang dan hingga sekarang tidak selesai.

Ya! Ramai orang tidak faham apabila kita kembali ke zaman dulu. Pada suatu masa dulu, British membezakan antara orang Melayu yang menjadi rakyat raja dan orang Melayu Negeri Selat. Tidak ada biasiswa, jawatan dalam perkhidmatan awam kepada orang Melayu di negeri Selat dan mereka hampir dipinggirkan. Selepas Perang Dunia Kedua, orang Melayu menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berbeza dengan Umno.

Apabila timbul masalah Malayan Union, British dengan cepat mengadakan perundingan dengan raja dan

Umno. Mengapa Umno? Ia disebabkan parti ini terdiri daripada orang Melayu yang menjadi rakyat raja. Ahli PKMM bukan rakyat raja.

Perlembagaan sudah menetapkan hak setiap kaum. Adakah masalah berlaku sekarang kerana rakyat Malaysia tidak lagi melihat perkara ini dan memahami perbezaan hak setiap kaum.

Mereka tidak tahu dan faham. Manya orang Malaysia apakah erti Perlembagaan? Mereka tidak tahu! Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi sebuah negara dan undang-undang lain bertentangan Perlembagaan adalah tidak sah. Rakyat memang tidak faham. Ketika lampu isyarat merah di jalan raya, jika tiada kereta lain dan anggota polis, mereka pun jalan, walaupun dalam Rukun Negara menyatakan Kedaulatan Undang-Undang, tetapi kalau tanya undang-undang, mereka tidak faham.

Kegunaan undang-undang tidak difahami. Undang-undang bertujuan membawa kebahagiaan kepada rakyat. Saya menyalahkan sistem pendidikan kerana pelajar tidak diberikan penjelasan dan hanya diminta belajar tokoh itu dan ini serta menghafal.

Kita boleh menerima rakyat biasa tidak memahami undang-undang dan apa terkandung dalam Perlembagaan. Bagaimana dengan pemimpin politik.

Saya pemimpin politik sekarang? Ramai daripada akar umbi dan pendidikan tidak tinggi. Mereka tidak faham serta bercakap mengikut emosi dan bukan mengikut undang-undang. Sebagai Ahli Parlimen, mereka sepatutnya berbahas mengikut undang-undang. Sesetengah Ahli Parlimen menyangka ada kuasa istimewa, Malaysia mengikut sistem British yang membahagikan sistem pemerintahan kepada kehakiman mentafsirkan undang-undang. Parlimen tidak boleh mentafsirkan, tetapi meluluskan undang-undang.

Parlimen terdiri daripada orang dipilih rakyat. Ahli Parlimen bertanggungjawab kepada rakyat dan saya berasa ini tidak jelas. Ada Ahli Parlimen mempercayai mereka seperti golongan bangsawan dulu dan tidak tahu mereka mesti patuh kepada rakyat. Apa yang mereka minta di Parlimen perlu selaras dengan kehendak rakyat. Kalau tidak bersetuju dengan kehendak rakyat, mereka sepatutnya meletakkan jawatan.

Ahli Parlimen meluluskan undang-undang, kehakiman mentafsirkan undang-undang dan melaksanakan undang-undang adalah eksekutif, diketuai Kabinet, termasuk polis. Setiap pihak mempunyai tugas dan kuasa mengikut undang-undang bagi menjamin masyarakat tidak menjadi kucar-kacir.

Namun segelintir perbahasan Perhimpunan Agung Umno bernada emosi, akhirnya pemimpin Umno meletakkan kepentingan rakyat dan negara sebagai keutamaan. Bagaimana Datuk melihat keadaan penamat ini.

Ucapan penggulungan Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sangat baik kerana tiada apa-apa perkara tidak baik berlaku. Masalah berlaku ialah pada peringkat akar umbi kerana ramai tidak begitu faham apa sebenar berlaku.

Sebagai minoriti, orang bukan Melayu mula berasa takut kerana bilangan orang bukan Melayu semakin kurang. Ramai orang Cina hidup moden dan tidak mahu keluarga besar. Purata keluarga Cina mempunyai satu hingga tiga anak, tiada lagi tujuh atau lapan anak seperti dulu. Keluarga Melayu masih mempunyai ramai anak kerana tidak mengamalkan perancangan keluarga. Peratusan penduduk Cina kini tidak sampai 30 peratus dan India kurang 10 peratus. Di Singapura, bilangan penduduk Cina semakin kurang dan penduduk Melayu semakin bertambah.

Dulu orang Melayu bimbang dengan jumlah penduduk bukan Melayu yang ramai. Pada pertengahan 1930-an, raja Melayu meminta supaya kemasukan lelaki bukan Melayu dihentikan dan hanya wanita berusia lewat 30-an dibenarkan masuk kerana sudah ramai orang bukan Melayu.

Bukankah pemimpin Umno menerajui kerajaan Barisan

Nasional (BN) terbukti sejak merdeka menjaga hak dan kepentingan orang bukan Melayu.

Benar, tetapi dari semasa ke semasa ada individu yang ketika memberikan ucapan, seolah-olah tidak sedar bahawa keadaan orang Melayu sekarang jauh berbeza dengan keadaan orang Melayu dulu. Ketika menentang Malayan Union, kedudukan orang Melayu adalah paling lemah. Ada kemungkinan orang Melayu kehilangan segala hak istimewa kerana kedaulatan raja hilang.


Sekarang, di manakah kelemahan orang Melayu? Kita lihat bidang di bawah kawalan orang Melayu. Banyak sektor dikawal seperti perbankan, pertanian dan perladangan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pendidikan dan sistem birokrasi. Siapa boleh mengancam? Pada masa sama, masyarakat bukan Melayu, terutama Cina kuat dalam sektor peruncitan. Orang Melayu ada yang kaya dan menguasai perdagangan cuma jarang disebutkan.

Apakah keadaan sensitif yang timbul menunjukkan rakyat Malaysia selepas 49 tahun merdeka masih belum matang untuk membincangkan isu hubungan antara kaum.

Masih ramai tidak memahami proses perkembangan masyarakat. Mereka dipengaruhi emosi dan andai tidak betul. Ia sangat membimbangkan. Jika memahami fakta, mereka mungkin berasa lebih tenang dan tidak cepat naik marah. Selain itu, dunia sekarang banyak berubah. Kita duduk dalam dunia tanpa sempadan. Bukan lagi masalah jika seseorang hendak melabur ke tempat lain. Mengapa perlu bergaduh? Kita perlu hidup aman damai dan bahagia.

Sebenarnya Malaysia negara luar biasa, tetapi orang tidak faham kekuatan kita. Banyak duit dicurahkan ke bidang sains dan teknologi yang bagi saya kadang-kadang membuang masa dan membazir kerana sukar menandingi Barat. Di mana kekuatan Malaysia? Sektor pelancongan antara contoh utama. Sektor ini sangat kuat dan meraih pendapatan besar. Berapa banyak kita melabur membuat penyelidikan dalam bidang pelancongan? Tidak ada.

Sebagai contoh, sejarah sebahagian daripada pelancongan. Orang luar sangat berminat dengan Malaysia. Malangnya orang Malaysia tidak dapat memberikan penjelasan mengenai Malaysia kepada orang luar. Men-



jerit-jerit 'Malaysia Truly Asian' atau Malaysia melambangkan Asia. Tanya apa makna slogan ini, tidak tahu hendak jawab.

Kita tidak memberikan fokus terhadap sektor pelancongan yang menjadi kekuatan negara. China sebagai contoh sangat berminat dengan Malaysia kerana faktor tropika yang mereka tidak ada. China sangat memerlukan produk daripada alam sekitar tropika, tetapi kita tidak tahu. Jika mahu bersaing dengan China dalam bidang perindustrian, ini agak susah kerana faktor 'kos'. Malaysia mesti sentiasa menegakkan kekuatan kita yang tidak semesti dari segi sains dan teknologi.

Hubungan antara kaum selalu dilihat dari sudut negatif, sedangkan kepelbagaian kaum sepatutnya menjadi aset dan kelebihan kepada Malaysia.

Jika ahli politik tidak menggalakkan antarabangsa, setiap rakyat Malaysia kerana bangga dan melupakan faktor perkauman. Begitu juga dengan sukan utama negara, bola sepak. Pasukan kebangsaan perlu menang, barulah rakyat berbangga.

sokongan daripada kaum masing-masing. Jika cuba menjadi ahli politik liberal, dia takut orang tidak menyokongnya. Ia memang hakikat. Kita perlu mendidik golongan muda supaya boleh berfikir dengan lebih luas dengan menghargai ahli politik yang jujur dan ikhlas serta berkhidmat untuk rakyat. Bukan orang yang hanya pandai berpindah.

Generasi muda semua kaum sekarang sepatutnya berinteraksi dengan lebih rapat. Bagaimanapun, keadaan itu tidak berlaku. Pandangan Datuk.

Di sekolah, malah di universiti, mereka mengikut kelompok kaum masing-masing. Di universiti, mereka tidak boleh duduk dalam bilik yang sama, sedangkan ketika saya di universiti, perkara ini tidak menimbulkan masalah. Kami boleh hidup dalam asrama sama, tetapi sekarang tidak boleh kerana tidak biasa. Generasi muda seolah-olah digalakkan tidak bergaul dengan kaum lain dengan alasan untuk menjaga kemurnian budaya masing-masing.

Dalam satu kes berlaku kepada anak bongsu saya ketika di sekolah rendah, pada suatu hari seorang guru bertanya mengenai agama anak saya. Dia jawab Hindu. Guru berkata, mana boleh kerana orang Cina tidak menganut Hindu. Guru itu tidak tahu bahawa isteri saya beragama Hindu. Bagi membuktikan kebenaran, anak saya meminta emaknya datang ke sekolah dengan berpakaian sari.

Adakah sebahagian punca masalah kerana ibu bapa sendiri tidak menggalakkan anak bergaul dengan anak kaum lain.

Ya! Itulah yang berlaku kerana mereka tidak faham. Sistem pendidikan kita juga tidak mendedahkan pelajar kepada budaya kaum lain. Walaupun sekolah ada pelbagai kaum, mereka tidak bergaul. Pendidikan perlu mempunyai elemen untuk menggalakkan pelajar bergaul dengan kaum lain supaya mereka memahami budaya kaum lain. Sekarang pelajar hanya mahu lulus peperiksaan, sedangkan peperiksaan hanya satu bahagian kecil dalam sistem pendidikan.

Sekolah tidak berfungsi dengan baik kerana berdasarkan Penyata Razak, antara objektif utama dasar pendidikan adalah untuk mencapai perpaduan. Realitinya mana ada sekolah memberikan keutamaan kepada perpaduan. Walaupun Kementerian Pe-

Kegunaan undang-undang tidak difahami. Saya salahkan sistem pendidikan kerana pelajar tidak diberi penjelasan dan hanya diminta belajar tokoh itu dan ini serta menghafal

lajaran pernah berusaha memperkalkan Sekolah Wawasan, tetapi usaha itu sudah terlewat kerana mesti ada pihak lain yang menentang.

Kita perlu mencari jalan lain membolehkan pelajar bergaul. Bagi saya, sukan adalah paling efektif, tetapi sekarang sukan diketepikan. Sekarang apabila anggota sesuatu pasukan dipilih, mereka menghitung berapa anggota kaum masing-masing ada dalam pasukan itu. Kaum India selalu menjadi minoriti. Susahlah. Dulu di Pulau Pinang, Perak dan Selangor, orang Cina bermain hoki dan kriket tetapi sekarang tiada lagi. Pegawai sukan juga ditekan kerana tidak memilih ahli sukan daripada kaum sendiri. Dulu tidak ada dan ini berpunca akibat politik.

Bagaimanapun, kita boleh memperbetulkan keadaan dalam bidang sukan. Perhatikan apabila ahli sukan seperti Nicol David (skuasy) dan Shalin Zulkifli (bowling) meraih kejuaraan antarabangsa, setiap rakyat Malaysia kerana bangga dan melupakan faktor perkauman. Begitu juga dengan sukan utama negara, bola sepak. Pasukan kebangsaan perlu menang, barulah rakyat berbangga.